

# KEBUDAYAAN ISLAM

## Pengaruh Peradaban dan Tamadun Islam di Eropah

Tiap-tiap perhubungan dan pergaulan manusia, baik di antara orang-orang perseorangan atau pun di antara sesuatu bangsa dengan bangsa yang lain, adalah pengaruh-mempengaruhi. Ini ialah suatu kaedah yang telah dibuktikan oleh sejarah akan kebenarannya.

Demikianlah Eropah, sebagai jiran tetangga, baik di bahagian timur atau baratnya, yang berhubungan dengan dunia Islam sebagai kawan atau lawan, tidak akan berkecuali daripada kaedah ini.

Lebih lagi, setelah banyak ahli-ahli pengetahuan menyelidik akan perjalanan sejarah dalam segala lapangan dan sudut kebudayaan, maka dengan tenang mereka menegaskan: Bahawa Eropah moden tidak akan zahir ke alam *al-wujūd* kalau ada pendorong utama bagi kebangkitan dan perkembangan ilmu pengetahuan itu. Pendorong itu ialah peradaban atau kebudayaan dunia Islam.

Hal ini bukan semata-mata dakwaan umat Islam bahkan diakui oleh orang-orang Barat sendiri.

### **Dalam Lapangan Ilmu Pengetahuan**

Ketika Eropah tidak bersikap sebagai musuh terhadap Islam, ia telah tertarik hati melihat keajaiban-keajaiban peradaban dan tamadun Islam, dan ia banyak mengambil kepandaian orang-orang Islam. Misalnya dalam lapangan

mendirikan bangunan dan sebagainya. Penyelidikan yang dalam, akan menunjukkan bahawa dalam soal ini, Eropah lebih banyak mengambil dari peradaban dan tamadun Islam jika dibandingkan dengan pengambilannya dari peradaban dan tamadun Greek dan Latin.

Dalam lapangan ilmu pengetahuan, pengaruh Islam sangat besar. Hal ini diakui oleh Gustave Le Bon, dalam bukunya “La Civilisation des Arabes” (tamadun bangsa Arab), katanya:

Pertama harus diakui, bahawa disebabkan orang-orang Arablah (baca: Muslimin) maka dalam ilmu pengetahuan moden sekarang ini ada dasar “percubaan” (*experiment*) dan “penilikan” (*observation*) Jadi, dasar ini bukanlah rekaan “Bacon” (seorang ahli pengetahuan yang terkenal – P) yang biasanya disebut sebagai penciptanya.

Setelah menetapkan bahawa darjat yang tertinggi dari ilmu pengetahuan terdapat pada dasar tersebut, maka Humboldt seorang ahli pengetahuan yang ternama menambah kata: “Orang-orang Islam telah mencapai darjat setinggi ini, yang hampir tidak dikenal oleh orang-orang dahulu.”

Gustave Le Bon, lebih lanjut, telah menyebut perihal kemajuan yang telah dicapai oleh umat Islam

dalam soal ilmu hisab, algebra, ilmu falak dan ilmu bumi, lalu menyebut-nyebut tentang jasa pengembara-pengembara dan ahli-ahli pelayaran Islam, katanya:

Dalam lapangan ilmu alam, maka sumbangan dari pengembara-pengembara dan ahli-ahli pelayaran Islam adalah istimewa dari segi keilmuan. Pengembara-pengembara Islam itu telah membuat ketentuan-ketentuan yang saksama dalam ilmu falak yang menjadi dasar pertama bagi “kartografi” (kepandaian membuat peta bumi) yang telah dibuat oleh orang Yunani.

Dari segi penyelidikan, pengembara-pengembara Islam itu telah menerbitkan kisah-kisah perjalanan yang memperkenalkan berbagai-bagai benua, yang sebelum itu tidak terkenal dan tidak ada seorang pun daripada orang-orang Eropah yang sampai ke situ. Hulu-hulu sungai Nil, yang mengalir ke danau-danau “*khaṭ al-Istiwā*” itu telah pun dimasukkan oleh al-Idrīsī dalam peta semenjak tahun 1160. Dan baharu sahaja setelah pertengahan kurun yang kesembilan belas dijumpai oleh orang-orang Eropah.

Dalam bahagian ilmu tabii (fizik), jumlah hasil pendapatan mereka lebih besar lagi. Lebih-lebih lagi dalam ilmu kimia.

Harus merekalah yang mula memakai pedoman (kompas) dalam pelayaran; sekurang-kurangnya merekalah yang telah menarik perhatian orang-orang Eropah kepada pendapatan yang penting itu.

Demikian juga orang Islam telah mulai menggunakan senjata api semenjak tahun 1205 M.

Dalam ilmu kedokteran, orang Islam telah menurut orang-orang Yunani tetapi kemudiannya mereka telah menciptakan

kemajuan-kemajuan yang besar dalam lapangan ini. Hampir-hampir semua pengetahuan kedokteran Eropah yang timbul pada zaman kebangkitan ilmu pengetahuan di benua itu adalah berasal dari umat Islam.

Demikian *maḍmūn* huraian Dr Gustave Le Bon.

### **Dalam lapangan Binaan Bangunan**

Dalam buku “The Legacy of Islam” (Pusaka Islam), sebuah buku kumpulan karangan dari orientalis-orientalis Barat yang disusun oleh Sir Thomas Arnold, telah dihuraikan perkembangan kebudayaan dan pengaruhnya dalam kemajuan dan tamadun Eropah.

Dalam buku itu (muka 151-154), di bawah tajuk “*Architecture*” (ilmu pembinaan bangunan), Martin S. Briggs menulis: “Dari apa yang telah saya terangkan tadi (tentang sejarah ilmu pembinaan bangunan) nyatalah bahawa dalam hal ini, dunia Barat, banyak benar berhutang kepada dunia Islam.”

Setelah menerangkan contoh-contoh pintu, tingkap, beranda, yang berasal dari bentuk (kepandaian umat) Islam, termasuk setengah-setengah menara dan mihrab gereja-gereja di Eropah, maka Martin Briggs telah menyebut soal ukiran-ukiran yang menjadi perhiasan, katanya:

“Tulisan-tulisan ukir yang menghiasi barang-barang buatan Gothic dahulu itu, telah didahului dalam kurun yang kesembilan oleh Masjid Ibn Ṭūlūn di bandar Kaherah Mesir, akan tetapi tulisan-tulisan huruf Arab Kufi (sejenis bentuk tulisan Arab yang dinisbahkan kepada bandar Kufah – Iraq) telah masuk jauh ke negeri Perancis dalam masa tentera Islam menduduki wilayah-wilayah Perancis Selatan ..... perhiasan ukir-mengukir yang berbentuk “*Arabesque*” (sejenis bentuk ukiran